

NGO tidak setuju pelaksanaan ruang khas merokok di tempat awam

[Isabelle Leong](#), Astro Awani | 📅 Januari 10, 2020 13:38 MYT



Lebih 50 gabungan badan profesional dan badan bukan kerajaan (NGO) pada Jumaat menggesa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menarik balik pelaksanaan ruang khas merokok di tempat awam. - Astro AWANI/ISABELLE LEONG

KUALA LUMPUR: Lebih 50 gabungan badan profesional dan badan bukan kerajaan (NGO) menggesa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menarik balik langkah melaksanakan ruang khas merokok di tempat awam.

Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar berkata, gabungan badan profesional dan NGO tidak bersetuju dengan idea berkenaan, apatah lagi dengan peruntukan RM1 juta yang disediakan.

Tindakan KPKT itu, tegas beliau, memberi mesej yang bertentangan dengan budaya hidup sihat dan fatwa pihak berkuasa agama Islam serta memberi sokongan kepada amalan tidak sihat tersebut.

"Kami menggesa KPKT agar menarik balik pelaksanaan kawasan merokok di tempat awam," kata Dr Zainal dalam sidang media di pejabat Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia pada Jumaat.